



## SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)

### PERMOHONAN PENGESYORAN MYFUTUREJOBS

#### BAGI PENGGAJIAN PEKERJA ASING DAN PEGAWAI DAGANG

BIL. 1/2020 | 31 OKTOBER 2020

#### 1. Apakah objektif Pengesyoran MYFutureJobs sebagai pra-syarat permohonan penggajian pekerja asing dan pegawai dagang ?

- Objektif Pengesyoran MYFutureJobs sebagai pra-syarat permohonan penggajian pekerja asing dan pegawai dagang merupakan inisiatif Kerajaan untuk memberi **keutamaan kepada pencari kerja tempatan** dalam pengisian kekosongan jawatan sebelum jawatan tersebut dibenarkan diisi oleh pekerja asing atau pegawai dagang.
- Arahan ini juga merupakan **keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 4 Jun 2020** untuk mengiklankan kekosongan jawatan sekurang-kurangnya 30 hari di portal di bawah Kementerian Sumber Manusia, iaitu MYFutureJobs.

#### 2. Apakah maksud Pengesyoran MYFutureJobs ?

- Pengesyoran MYFutureJobs adalah syor oleh PERKESO kepada **Jawatankuasa Penggajian Pegawai Dagang (JPPD)** dan **Jawatankuasa Penggajian Pekerja Asing & Pekerja Tempatan (JPPAPT)**.
- Pengesyoran MYFutureJobs akan dibentangkan oleh PERKESO dalam sidang JPPD atau JPPAPT bagi setiap permohonan penggajian pekerja asing atau pegawai dagang oleh majikan.

#### 3. Adakah semua sektor terlibat dalam Pengesyoran MYFutureJobs bagi penggajian pekerja asing dan pegawai dagang ?

- Ya, Pengesyoran MYFutureJobs melibatkan semua sektor yang dibenarkan oleh Kerajaan bagi pengambilan pekerja asing dan pegawai dagang.

- Permohonan bagi mendapatkan **pekerja asing baharu masih lagi dibekukan oleh Kerajaan sehingga 31 Disember 2020**. Bagi permohonan penggajian pegawai dagang, boleh dikemukakan seperti biasa oleh majikan.

**4. Apakah langkah – langkah utama yang perlu dilaksanakan oleh majikan bagi permohonan pekerja asing atau pegawai dagang?**

Langkah- langkah bagi permohonan pekerja asing atau pegawai dagang adalah seperti berikut:

- Daftar **iklan jawatan kosong di Portal MYFutureJobs** untuk tempoh **30 hari** serta pastikan semua maklumat jawatan kosong diisi.
- Setelah pengiklanan jawatan kosong dilaksanakan, majikan wajib mengisi **Borang PAPD: Permohonan Pengesyoran MYFutureJobs** dalam tempoh **3 hari dari tarikh mula iklan diaktifkan**, melalui pautan <http://bit.ly/PAPDPERKESO>.
- Majikan perlu melaksanakan program **temuduga dalam tempoh 30 hari daripada tarikh pengiklanan jawatan kosong** serta mengemukakan laporan temuduga kepada PERKESO dengan menggunakan **Laporan Pengambilan Pekerja** (rujuk **Lampiran 4**) yang boleh dimuat turun di laman web [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my).
- Selepas tamat tempoh pengiklanan di Portal MYFutureJobs, majikan boleh membuat permohonan seterusnya di **Sistem ePPAx bagi pekerja asing**. Manakala bagi permohonan **penggajian pegawai dagang**, majikan hanya perlu mengisi **Borang PAPD** dan menghantar **Laporan Pengambilan Pekerja**.
- Semua permohonan akan dibentangkan kepada JPPD atau JPPAPT yang akan mempertimbangkan permohonan majikan dengan mengambil kira usaha-usaha yang telah dilaksanakan untuk membuat keputusan.
- Bagi permohonan penggajian pegawai dagang, Pengesyoran MYFutureJobs akan dikemukakan oleh JPPD kepada agensi pelulus.

**Rujuk Lampiran 1: Carta alir proses Permohonan Pengesyoran MYFutureJobs.**

**Jadual A: Senarai Agensi Pelulus mengikut skop liputan**

BIL.	AGENSI PELULUS	SKOP LIPUTAN
1.	Kementerian Dalam Negeri	Umum
2.	Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)	Sektor pembuatan dan berkaitan
3.	Multimedia Development Corporation (MDeC)	Sektor teknologi maklumat (terutamanya syarikat yang diiktiraf Multimedia Super Corridor (MSC))
4.	Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)	Pegawai Kontrak Kerajaan
5.	Bank Negara Malaysia (BNM)	Sektor kewangan, insurans dan perbankan
6.	Suruhanjaya Sekuriti (SC)	<i>Securities and future market</i>
7.	Malaysia Global Innovation & Creativity Centre (MAGIC)	Program tertentu sahaja
8.	East Coast Economic Region Development Council (ECERDC)	Syarikat tertentu di Wilayah Ekonomi Pantai Timur
9.	Iskandar Regional Development Authority (IRDA)	Syarikat tertentu di bawah Iskandar Malaysia
10.	TalentCorp Berhad (TC)	Sektor NKEA
11.	Jawatankuasa Ekspatriat (JKE)	Lain-lain sektor yang tidak disenaraikan

**5. Apakah jenis kategori pegawai dagang yang ditetapkan bagi permohonan penggajian pegawai dagang?**

Pegawai Dagang	Gaji Bulanan	Tempoh Kontrak
Kategori I (Mahir)	RM10,000 dan ke atas	2 hingga 5 tahun
Kategori II (Mahir)	RM5,000 - RM9,999	Maksima 2 tahun
<b>Kategori III (Separa Mahir / Berpengetahuan)</b>	RM3,000 - RM4,999	Maksima 1 tahun

Sumber: Kementerian Dalam Negeri

**6. Sekiranya jawatan yang dipohon merupakan Jawatan Utama (*Key Post*) ataupun keperluan tenaga kerja yang sukar untuk didapati di Malaysia dengan kadar segera, adakah majikan masih perlu mengiklankan kekosongan jawatan dan melaksanakan program temuduga bagi jawatan tersebut ?**

- Sekiranya jawatan kosong tersebut merupakan Jawatan Utama (*Key Post*) Pegawai Dagang, majikan boleh memohon pengecualian daripada mengiklankan jawatan dan melaksanakan temuduga. Walau bagaimanapun, majikan masih perlu melengkapkan dan mengemukakan Borang PAPD bagi permohonan penggajian pegawai dagang.
- Namun demikian, sekiranya ada keperluan mendesak bagi pengisian segera dan telah mendapat pengesyoran daripada agensi pelulus, maka permohonan tersebut akan dirujuk terus ke JPPD untuk pertimbangan dengan kadar segera.

**7. Bagaimanakah cara untuk majikan memohon pengecualian daripada mengiklankan jawatan kosong bagi *Key Post*?**

- Majikan masih perlu mengisi Borang PAPD dan kemudian kemukakan surat permohonan kepada PERKESO melalui Pegawai *Key Account* Majikan seperti di **Lampiran 2** bagi pengecualian mengiklankan kekosongan jawatan dan melaksanakan temuduga. Maklumat yang perlu disertakan di dalam surat permohonan pengecualian adalah seperti berikut:
  - i. Nama dan kategori jawatan (CEO, COO, CFO dan lain-lain)
  - ii. Bilangan kekosongan jawatan;
  - iii. Gaji ditawarkan

**8. Adakah pengiklanan semula masih diperlukan bagi tujuan pembaharuan pas kerja pegawai dagang?**

- Ya. **Pengiklanan semula adalah diwajibkan bagi tujuan pembaharuan pas kerja** bagi semua kategori pegawai dagang.
- Walau bagaimanapun, bagi Pegawai Dagang Kategori 1, majikan boleh memohon pengecualian dengan memberi alasan yang munasabah.

**9. Apakah sistem yang akan digunakan oleh majikan bagi tujuan pengiklanan jawatan kosong?**

- Majikan wajib mengiklankan kekosongan jawatan dalam portal MYFutureJobs melalui pautan [www.myfuturejobs.gov.my](http://www.myfuturejobs.gov.my)
- Majikan dikehendaki mengisi semua maklumat termasuk nama jawatan, kelayakan akademik, gaji, skop kerja, kemahiran dan kompetensi bagi setiap iklan di portal MYFutureJobs.

**10. Apakah syarat dan tatacara untuk berdaftar dalam Portal MYFutureJobs?**

- Pertama sekali, majikan atau perusahaan hendaklah berdaftar dan mengemukakan maklumat berikut:
  - i. Individu/Perseorangan: No. kad pengenalan
  - ii. Syarikat / Firma: No ROB / ROC / ROS
  - iii. Agensi Kerajaan: PTJ No.

- iv. Penjaja : Lesen PBT
  - v. Klinik: Lesen (MOH)
  - vi. Pejabat Peguam: No. Lesen (Majlis Peguam)
  - vii. Kedutaan/Pertubuhan Antarabangsa: No. Pendaftaran
  - viii. Pertubuhan/ Persatuan/ NGO: No ROB / ROC / ROS
- 
- Pendaftaran majikan di MYFutureJobs boleh dilaksanakan melalui pautan <https://employers.myfuturejobs.gov.my/>. Majikan yang telah melaksanakan pendaftaran akan dirujuk kepada seorang Pegawai *Key Account* Majikan PERKESO yang bertanggungjawab untuk membantu majikan dalam proses pengambilan pekerja secara percuma.

## **11. Apakah tanggungjawab majikan setelah mengiklankan jawatan kosong di Portal MYFutureJobs ?**

- Majikan bertanggungjawab untuk melaksanakan temuduga bagi jawatan kosong yang telah diiklankan. Majikan boleh melaksanakan temuduga di mana-mana premis majikan, pejabat-pejabat PERKESO, Jabatan Tenaga Kerja atau menyertai program temuduga harian/mingguan anjuran PERKESO.
- Majikan juga boleh mendapatkan bantuan untuk melaksanakan proses temuduga dengan kerjasama Pegawai *Key Account* Majikan daripada PERKESO. (**Sila rujuk Lampiran 2 : Senarai Pegawai *Key Account* mengikut negeri.**)
- Majikan perlu melengkapkan **Laporan Pengambilan Pekerja** bagi setiap jawatan yang diiklankan.

## **12. Nyatakan kaedah pemantauan yang akan dilaksanakan oleh pihak PERKESO dalam memastikan pematuhan majikan terhadap perkara ini?**

- Majikan perlu melengkapkan Laporan Pengambilan Pekerja bagi aktiviti temuduga yang dijalankan mengikut jawatan yang diiklankan. Borang ini perlu disimpan oleh majikan dan dikemukakan kepada PERKESO melalui Pegawai *Key Account* Majikan selepas tamat tempoh maksimum 30 hari daripada tarikh pengiklanan kekosongan jawatan.

**13. Adakah wakil daripada PERKESO akan terlibat secara langsung atau hadir dalam setiap sesi temuduga yang dijalankan oleh pihak majikan ?**

- **Tidak.** Wakil daripada PERKESO tidak terlibat secara langsung atau hadir dalam setiap sesi temuduga yang dijalankan oleh majikan.

**14. Apakah tindakan yang perlu dilakukan sekiranya majikan telah mengiklankan kekosongan jawatan dalam Portal JobsMalaysia sebelum 1 November 2020?**

- Bagi majikan yang mengemukakan permohonan sebelum 1 November 2020, **tidak perlu lagi mengemukakan semula permohonan tersebut**. .  
Permohonan yang lama di JobsMalaysia akan terus diproses mengikut syarat kelayakan yang telah ditetapkan sebelum ini.

**15. Adakah majikan dibenarkan untuk mengiklankan jawatan kosong dan melaksanakan usaha penempatan pekerjaan melalui kaedah atau menggunakan platform lain?**

- **Ya.** Majikan dibenarkan untuk mengiklankan kekosongan jawatan atau mengambil tindakan susulan menggunakan kaedah lain yang bersesuaian.  
Walau bagaimanapun, majikan **masih diwajibkan untuk mengiklankan jawatan kosong tersebut di Portal MYFutureJobs**.
- Usaha-usaha pengambilan pekerja tempatan yang dilaksanakan oleh majikan perlu dilaporkan kepada Pegawai Key Account Majikan dengan melengkapkan Laporan Pengambilan Pekerja.

**16. Adakah tindakan dan usaha penempatan pekerja tempatan akan mempengaruhi keputusan permohonan penggajian pekerja asing dan pegawai dagang?**

- **Ya.** Jawatankuasa Penggajian Pekerja Asing & Pekerja Tempatan dan Jawatankuasa Penggajian Pegawai Dagang di Kementerian Sumber Manusia yang dianggotai oleh PERKESO dan Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) akan bersidang bagi menimbangkan setiap permohonan

majikan berdasarkan hasil usaha yang telah dilaksanakan bagi pengambilan pekerja tempatan.

**17. Bagaimana cara untuk mengetahui status berhubung permohonan penggajian pekerja asing dan pegawai dagang?**

- Majikan perlu merujuk kepada **Urusetia Jawatankuasa di JTKSM** atau **Sistem ePPAx (bagi pekerja asing)** untuk mendapatkan maklumat lanjut berhubung status dan keputusan permohonan penggajian pekerja asing.
- Bagi permohonan **pegawai dagang**, majikan boleh merujuk kepada **agensi pelulus ataupun Urusetia Jawatankuasa di JTKSM**.

**18. Adakah majikan boleh membuat permohonan rayuan sekiranya permohonan ditolak?**

- **Ya.** Bagi penggajian pekerja asing, majikan boleh membuat permohonan rayuan melalui Sistem ePPAx selepas notifikasi keputusan diterima.
- Manakala bagi permohonan penggajian pegawai dagang, majikan perlu menghubungi JTKSM bagi mengemukakan rayuan secara bertulis bagi penggajian pegawai dagang.
- Permohonan rayuan hanya dibenarkan **sekali bagi setiap permohonan baharu yang ditolak**.
- Walau bagaimanapun, kebenaran untuk permohonan rayuan adalah tertakluk kepada syarat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa di peringkat JTKSM.

**19. Apakah kelebihan yang disediakan kepada majikan yang mengambil pekerja tempatan ?**


- Menerusi inisiatif PENJANA iaitu **Program Pengambilan Pekerja** yang diumumkan oleh Kerajaan pada 5 Jun 2020, majikan boleh mendapat insentif kewangan di antara RM800 sehingga RM1,000 sebulan bagi setiap pekerja tempatan yang baharu diambil bekerja.

- Program latihan kemahiran turut disediakan bagi pekerja tempatan yang baharu diambil bekerja. Bagi inisiatif ini, majikan boleh melayari [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my) untuk maklumat lanjut.

**Soalan Lazim Bil. 1 Tahun 2020 adalah berkuatkuasa mulai 1 November 2020. Bagi sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Pegawai Perkhidmatan Pelanggan PERKESO di talian 1-300-22-8000 / 03-8091 5300 atau emel kepada [papd@perkeso.gov.my](mailto:papd@perkeso.gov.my)**

**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)**  
**31 OKTOBER 2020**

**PERMOHONAN PENGESYORAN MYFUTUREJOBS BAGI PENGGAJIAN PEKERJA ASING & PEGAWAI DAGANG**



**LAMPIRAN 2**

<b>BIL</b>	<b>PERKESO NEGERI</b>	<b>PEGAWAI KEY ACCOUNT MAJIKAN</b>	<b>ALAMAT E-MEL</b>
1	KUALA LUMPUR	1. Nurul Amalina Binti. Rosdi Anuar	amalina.anuar@perkeso.gov.my
		2. Mohamed Nur Hidayat bin Mohamed Ajis	hidayat.ajis@perkeso.gov.my
		3. Dini Arina Binti Mohd Puad	arina.puad@perkeso.gov.my
2	SELANGOR/ PUTRAJAYA	1. Aaron Davidraj a/l Ravindran	r.aaron@perkeso.gov.my
		2. Muhammad Hifzhan bin Alias	hifzhan.alias@perkeso.gov.my
		3. Dhinnesh A/L Shanmugam	s.dhinnesh@perkeso.gov.my
3	NEGERI SEMBILAN	1. Nabilah Binti Ismail	nabilah.ismail@perkeso.gov.my
		2. Nor Suhada binti Azhar	suhada.azhar@perkeso.gov.my
4	MELAKA	1. Alia binti Mohd Azlan Selvarajah	alia.azlan@perkeso.gov.my
		2. Anis Amira binti Rajis	amira.rajis@perkeso.gov.my
5	JOHOR	1. Nur Syakirah Binti Amran	syakirah.amran@perkeso.gov.my
		2. Muhamad Akmal bin Shahrudin	akmal.shahrudin@perkeso.gov.my
		3. Muhamad Shahrul bin Zamshari	shahrul.zamshari@perkeso.gov.my
6	PAHANG	1. Muhammad Alief Aizuddin bin Zin Azman	aizuddin.azman@perkeso.gov.my
		2. Syazwani binti Mohd Tajuddin	syazwani.tajudin@perkeso.gov.my
7	TERENGGANU	1. Siti Aqilah binti Azlan	aqilah.azlan@perkeso.gov.my
		2. Nurfahana binti Ramli	nurfahana.ramli@perkeso.gov.my

8	KELANTAN	1. Nor Shahida binti Mat Sidik	shahida.sidik@perkeso.gov.my
		2. Khairul Asraff bin Roslan	asraff.roslan@perkeso.gov.my
9	PERAK	1. Ahmad Shahir bin Hasan	shahir.hasan@perkeso.gov.my
		2. Muhammad Zaki bin Mohd Nordin	zaki.nordin@perkeso.gov.my
		3. Farah Jasmin binti Mohd Zainuri	jasmin.jamaludin@perkeso.gov.my
10	KEDAH/ PERLIS	1. Wan Nur Esalina Shahirah binti Wan Muda	esalina.muda@perkeso.gov.my
		2. Nor Erna Afeera binti Airis	afeera.airis@perkeso.gov.my
11	PULAU PINANG	1. Nur Hanina binti Hamid	hanina.hamid@perkeso.gov.my
		2. Syafina binti Assegerali	syafina.assegerali@perkeso.gov.my
		3. Thuriya Darshani a/p Devandran	d.darshani@perkeso.gov.my

**SENARAI PUSAT MYFUTUREJOBS DI SEMENANJUNG MALAYSIA**

<b>Bil.</b>	<b>PUSAT MYFUTUREJOBS (SEmenanjung Malaysia)</b>	<b>ALAMAT</b>
1.	Kuala Lumpur	Pejabat PERKESO W.P. Kuala Lumpur No. 155, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur
2.	Selangor/ Putrajaya	Pejabat PERKESO Negeri Selangor Lot 141, Seksyen 6, Jalan Selangor, 46990 Petaling Jaya, Selangor
3.	Negeri Sembilan	Pejabat PERKESO Negeri Sembilan Lot 3757, Lot 52, Jalan Sg. Ujong, 70000 Seremban, Negeri Sembilan
4.	Melaka	Pejabat PERKESO Negeri Melaka Jalan Persekutuan MITC, Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka
5.	Johor	Pejabat PERKESO Negeri Johor No. 26, Jalan Susur 5, Off Jalan Tun Abdul Razak, Larkin, 80200 Johor Bahru, Johor
6.	Pahang	Pejabat PERKESO Negeri Pahang Jalan Mat Kilau, 25000 Kuantan, Pahang
7.	Terengganu	Pejabat PERKESO Negeri Terengganu Lot 2467, Jalan Air Jernih, 20538 Kuala Terengganu, Terengganu
8.	Kelantan	Pejabat PERKESO Negeri Kelantan PT 304 - 307, Seksyen 22, Jalan Kota Darul Naim, 15538 Kota Bharu, Kelantan
9.	Perak	Pejabat PERKESO Negeri Perak No. 83, Jalan Hospital, 30450 Ipoh, Perak
10.	Kedah/ Perlis	Pejabat PERKESO Negeri Kedah Lot. 186, Jalan Teluk Wanjah, 05538 Alor Setar, Kedah
11.	Pulau Pinang	Pejabat PERKESO Negeri Pulau Pinang No. 3012, Lebuh Tenggiri 2, 13700 Seberang Jaya, Perai, Pulau Pinang

## LAMPIRAN 4



### LAPORAN PENGAMBILAN PEKERJA

*Note: Laporan ini perlu dihantar selepas tamat tempoh pengiklanan minimum 30 hari*

A.	Nama Jawatan (seperti yang diiklankan)	
B.	Nama Majikan	
C.	No Pendaftaran Syarikat (SSM/ROB/ROC dll)	
D.	No Kod Majikan (Sekiranya Ada)	
E.	No Telefon Majikan	
F.	Emel Majikan	
G.	Tarikh & Masa Temuduga	
H.	Lokasi Temuduga	

BIL	No Kad Pengenalan	Nama	No Telefon	Emel	Jantina	Tahap Pendidikan	Keputusan	Ulasan (Sebab Gagal)
1								
2								
3								
4								
5								
6								
7								
8								
9								
10								

Saya membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut di dalamnya adalah benar dan betul. Saya sesungguhnya faham sekiranya apa-apa maklumat yang saya berikan atau pengesahan akuan ini adalah tidak benar, tidak betul atau palsu, boleh menyebabkan kelewatan permohonan ini diproses atau permohonan boleh ditolak.

PENGESAHAN MAJIKAN	
TANDATANGAN	
.....	
Nama	
Jawatan	
Tarikh	
Cop Syarikat	

Nota:

Borang ini perlu diisi menggunakan format Excel yang boleh dimuat turun melalui laman web PERKESO